

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN *DUAL LANGUAGE PROGRAMME (DLP)*

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan memastikan segala urusan pelaksanaan DLP berjalan dengan teratur, seragam, cekap dan berkesan.

LATAR BELAKANG

2. *Dual Language Programme (DLP)* telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi Negara Bil. 21/2015 pada 13 Oktober 2015 dan diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan bajet 2016 pada 23 Oktober 2015.
3. Program ini dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).
4. Objektif program ini adalah untuk memberi peluang kepada murid untuk meningkatkan akses dan penerokaan pelbagai ilmu untuk bersaing di peringkat global serta meningkatkan kebolehpasaran murid di alam pekerjaan. Program ini dapat membantu dan menarik minat murid yang ingin meneruskan pengajian dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di peringkat tertiar.
5. Selain daripada itu, pelaksanaan DLP turut meningkatkan masa pendedahan murid kepada bahasa Inggeris yang secara tidak langsung dapat memperkukuh bahasa Inggeris mereka.

DEFINISI

6. Dalam garis panduan ini;
 - 6.1 “**Kementerian Pendidikan Malaysia**” bermaksud Bahagian-Bahagian di KPM, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah di bawah KPM;
 - 6.2 “**DLP**” merupakan program yang memberi pilihan kepada sekolah untuk menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mata pelajaran Sains, Matematik dan mata

pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang lain.

- 6.3 “**Sekolah DLP**” bermaksud Sekolah yang telah mendapat kelulusan untuk melaksanakan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM yang lain (sekurang-kurangnya satu kelas DLP)
- 6.4 “**Kelas DLP**” bermaksud kelas yang melaksanakan PdP bagi mata pelajaran yang telah dikenal pasti dalam bahasa Inggeris sepenuhnya.
- 6.5 “**Guru DLP**” bermaksud guru yang mengajar mata pelajaran Sains, Matematik dan mata pelajaran STEM dalam bahasa Inggeris sepenuhnya (sekurang-kurangnya satu kelas).
- 6.6 “**Murid DLP**” bermaksud murid yang diberi kebenaran oleh ibu bapa untuk mengikuti PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran yang telah dikenal pasti.
- 6.7 “**Mata pelajaran yang telah dikenal pasti**” adalah Sains, Matematik, Reka Bentuk & Teknologi (RBT), Asas Sains Komputer (ASK) dan mata pelajaran STEM yang akan ditentukan dari semasa ke semasa. Mata pelajaran Sains mesti diambil bersama-sama Matematik.

STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) DLP

7. Kriteria sekolah DLP

Sekolah yang berminat untuk menyertai DLP mestilah memenuhi kriteria berikut:

- 7.1 Mempunyai sumber yang mencukupi.
Sumber adalah merujuk kepada buku teks, bahan rujukan, bahan bantu mengajar dan lain-lain bahan sokongan pengajaran dan pembelajaran.
- 7.2 Pengetua/Guru Besar/Guru bersedia untuk melaksanakan DLP. Pengetua/Guru Besar perlu mempunyai rancangan jangka panjang dan jangka pendek untuk memastikan bilangan guru dan murid yang mencukupi.

- 7.3 Permintaan dan sokongan daripada ibu bapa.
Ibu bapa perlu memberi persetujuan secara bertulis kepada pihak sekolah untuk membolehkan anak mereka mengikuti DLP. PIBG juga perlu bersetuju dan menyokong pelaksanaan DLP.
- 7.4 Pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.
Pencapaian ini mestilah menyamai atau lebih baik daripada pencapaian purata GPMP kebangsaan Bahasa Melayu peperiksaan awam (UPSR dan SPM) bagi tahun sebelumnya.

8. Tata cara permohonan sekolah menyertai DLP

- 8.1 Permohonan boleh diajukan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dengan menyertakan dokumen berikut:
- 8.1.1 Surat permohonan secara rasmi dari pihak sekolah;
 - 8.1.2 Borang Kesiediaan Sekolah yang diisi dengan lengkap;
 - 8.1.3 Surat persetujuan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG); dan
 - 8.1.4 Borang Persetujuan Ibu Bapa (kumpul dan simpan di sekolah sahaja)
- 8.2 PPD akan menjalankan tinjauan/ pemeriksaan ke atas sekolah berkenaan untuk mengesahkan kesiediaan sekolah dan memanjangkan permohonan ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).
- 8.3 JPN seterusnya akan memanjangkan permohonan ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) serta Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) akan membuat penilaian terakhir untuk pertimbangan dan kelulusan KPPM.

9. Urusan pertukaran guru

- 9.1 Guru yang terlibat dalam DLP boleh memohon pertukaran. Walau bagaimanapun PPD perlu memastikan guru DLP yang bertukar, diganti dengan guru DLP yang baharu (*back to back*).
- 9.2 Guru DLP yang berpindah diberi keutamaan untuk ditempatkan di sekolah DLP.
- 9.3 PPD boleh melaksanakan *redeployment* guru bagi memastikan bekalan guru DLP mencukupi.

10. Bidang kuasa/agihan tugas

10.1 Pengetua / Guru Besar (PGB)

- 10.1.1 Melaksanakan sesi penataran bersama ibu bapa, guru dan pihak yang berkepentingan.
- 10.1.2 PGB membuat permohonan secara rasmi dan rayuan kepada PPD sekiranya semua pihak bersetuju untuk melaksanakan DLP.
- 10.1.3 PGB membuat perancangan jangka panjang dan jangka pendek bagi memastikan kejayaan DLP di sekolah masing-masing.
- 10.1.4 Memantau pelaksanaan DLP secara berkala.
- 10.1.5 Mengadakan mesyuarat penyelarasan/dialog pelaksanaan DLP.

10.2 PPD

- 10.2.1 Melaksanakan sesi penataran kepada sekolah yang berpotensi
- 10.2.2 Menerima permohonan dan rayuan sekolah yang berminat menjalankan DLP
- 10.2.3 Menjalankan tinjauan/ pemeriksaan ke atas sekolah berkenaan untuk mengesahkan kesediaan sekolah dan memanjangkan permohonan ke JPN
- 10.2.4 Memastikan guru DLP yang bertukar, diganti dengan guru DLP yang baru
- 10.2.5 Memastikan bekalan guru DLP mencukupi di setiap sekolah terlibat
- 10.2.6 Pemantauan pelaksanaan DLP secara berkala
- 10.2.7 Mengadakan mesyuarat penyelarasan/dialog pelaksanaan DLP

10.3 JPN

- 10.3.1 Menerima permohonan dan rayuan sekolah yang berminat menjalankan DLP yang di panjangkan oleh pihak PPD ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)
- 10.3.2 Melaksanakan sesi penataran kepada PPD
- 10.3.3 Menjalankan tinjauan/pemeriksaan ke atas sekolah berkenaan untuk mengesahkan kesediaan sekolah
- 10.3.4 Merancang dan memantau pelaksanaan DLP secara berkala
- 10.3.5 Mengadakan mesyuarat penyelarasan/dialog pelaksanaan DLP antara PPD dan sekolah

10.4 Guru

- 10.4.1 Menyediakan Rancangan Pelajaran Harian (RPH) dan Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) bagi kelas DLP dalam bahasa Inggeris.
- 10.4.2 Menjalankan PdP dalam bahasa Inggeris bagi mata pelajaran dan kelas DLP
- 10.4.3 Menyediakan soalan pentaksiran sumatif dalam dwibahasa iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris
- 10.4.4 Merancang dan menjalankan program intervensi yang sesuai untuk murid yang memerlukannya


10.5 Ibu Bapa

- 10.5.1 Melibatkan diri dalam sesi penataran di peringkat sekolah untuk memahami konsep DLP
- 10.5.2 Menandatangani Borang Persetujuan Ibu Bapa
- 10.5.3 Memberi sokongan dan membantu pihak sekolah dalam menjayakan DLP

10.6 PIBG


- 10.6.1 Melibatkan diri dalam sesi penataran di peringkat sekolah untuk memahami konsep DLP
- 10.6.2 YDP PIBG perlu menyedia dan menandatangani surat persetujuan PIBG untuk melaksanakan DLP
- 10.6.3 Memberi sokongan kepada pihak sekolah dalam menjayakan DLP

11. Jawatankuasa Pelaksanaan DLP**11.1 Struktur Jawatankuasa**



11.2 Aliran kerja

Sebarang urusan berkaitan DLP hendaklah melalui saluran berikut bagi memastikan setiap peringkat menerima maklumat.



PENUTUP

12. Garis panduan ini adalah berdasarkan Surat Siaran KPM Bilangan 18 Tahun 2015 bertarikh 3 Disember 2015, bertajuk Pelaksanaan Rintis Program Dwibahasa atau *Dual Language Programme* (DLP) di Sekolah Pada Tahun 2016.
13. Garis panduan ini juga perlu dibaca/rujuk bersama dengan dokumen Soalan Lazim Versi 2.0 (2015).

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
18 Disember 2015